



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**KHAMIS 24 APRIL 2025**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                           | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>                         |
|------------|---------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|
| 1.         | RUMPAI LAUT PENGGANTI PROTEIN HAIWAN, INOVASI, UM-22                                  | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 2.         | SULTAN KEDAH PUJI MB CAKNA KEBAJIKAN RAKYAT, SG4:KEDAH, HAKAKAH-15                    | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)                        |
| 3.         | TANAH PADI: KEDAH TUNTUT RM200 JUTA, SG4:KEDAH, HAKAKAH-15                            |                                                               |
| 4.         | AGROBANK, PPNS METERAI MoU TAWAR PEMBIAYAAN KOMUNITI PETANI DI SARAWAK, BISNES, HM-22 | BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)                            |
| 5.         | RAKYAT TERENGGANU DISERU CEBURI PERTANIAN KONTAN, SIDANG DUN NEGERI, HAKAKAH-25       | LAIN-LAIN                                                     |
| 6.         | PANEL TO MONITOR PRICE, SUPPLY OF GOODS, NEWS, NST-3                                  |                                                               |
| 7.         | SATU EKAR MUSANG KING JANA RM60,000 SEMUSIM, NEGERI, SH-28                            |                                                               |
| 8.         | 'RM1 BILION BUKAN PAMPASAN KEKALKAN TANAH PESAWAH', NASIONAL, SH-13                   |                                                               |
| 9.         | 'SUNGAI TERCEMAR AKIBAT SISA KUMBAHAN BABI', NASIONAL, SH-12                          |                                                               |
| 10.        | HARAPAN NELAYAN MASIH ADA REZEKI TEPI JAMBATAN RTS, NEGARA, KOSMO-16                  |                                                               |
| 11.        | A PANEL TO RULE FOOD PRICES, NATION, THE STAR- 4                                      |                                                               |
| 12.        | SABUN DARI KULIT DURIAN, UNCANG TEH, DALAM NEGERI, UM-8                               |                                                               |
| 13.        | INOVASI SABUN KULIT DURIAN, LOKAL, HM-11                                              |                                                               |
| 14.        | PENDUDUK MAHU EKONOMI, PERTANIAN AYER KUNING DIPERKASA, DALAM NEGERI,UM-4             |                                                               |
| 15.        | PENDUDUK GESA PEMENANG PRK DUN AYER KUNING PERKASA SEKTOR PERTANIAN, NEGARA, KOSMO-8  |                                                               |
| 16.        | KPDN TUBUH JAWATANKUASA KHAS PANTAU HARGA, BEKALAN BARANGAN, NASIONAL, BH-3           |                                                               |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Oleh CATHERINE  
IRENE MILTON  
catherine.irene@mediamula.com.my

**R**UMPAI laut telah dikenalpasti sebagai salah satu komoditi pertanian bernilai tinggi dalam bidang keberhasilan utama ekonomi negara.

Kebanyakan ladang rumpai laut di Malaysia tertumpu di Sabah yang termasuk dalam kawasan segi tiga karang dan telah ditetapkan sebagai industri rumpai laut.

Namun, penggunaan rumpai laut dalam industri makanan negara masih lagi terhad, meskipun ia mudah diperolehi tanpa perlu diimport.

Rumpai laut yang didapati di Sabah iaitu *Kappaphycus alvarezii* mempunyai kandungan nutrisi yang mencukupi dan juga dikategorikan sebagai makanan berfungsi.

Peningkatan populasi global dan permintaan terhadap protein yang semakin meningkat menjadikan rumpai laut antara alternatif kepada protein selain daripada protein haiwan.

Justeru, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), membangunkan produk nugget dan bebola tanpa daging daripada sumber laut itu.

Timbalan Pengarah, Dr. Aida Hamimi Ibrahim berkata, dengan memanfaatkan rumpai laut dalam resipi inovatif dapat mencipta hidangan menarik, bagi memenuhi kepelbagaian selera pengguna.

"Walaupun rumpai laut sendiri tidak mampu menandingi protein haiwan yang tinggi, ia boleh digunakan bersama dengan protein tumbuhan lain atau melalui proses fermentasi untuk menghasilkan profil protein yang lengkap.

"Produk protein

## Rumpai laut pengganti protein haiwan



DR. AIDA HAMIMI IBRAHIM

berasaskan rumpai laut boleh membantu mengurangkan ketergantungan kepada daging yang dikaitkan dengan pengeluaran gas rumah hijau yang tinggi dan penggunaan air," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

### SUMBER MAKANAN, LESTARI

Nugget dan bebola daging berasaskan rumpai laut yang diperkenalkan oleh Mardi, dihasilkan daripada sumber yang diperolehi secara lestari dan bahan yang hanya berasaskan tumbuhan.

Jelasnya, berbeza dengan tanaman di darat, rumpai laut tidak memerlukan air tawar, baja atau racun perosak, menjadikannya pilihan mesra alam bagi pengeluaran makanan.

"Snek alternatif ini, mengandungi nutrisi yang penting seperti serat, protein, karbohidrat dan mineral.

"Inovasi terbaharu ini

dijamin dapat membantu untuk mengekalkan tenaga dan memenuhi sebahagian daripada keperluan zat pemakanan harian," katanya.

Justeru, dengan



mempromosikan rumpai laut sebagai bahan utama sebagai alternatif protein berasaskan haiwan, ia dapat menyumbang kepada rantaian makanan yang lebih lestari sambil memenuhi keperluan pemakanan populasi yang semakin meningkat.

Penglibatan komuniti tempatan dalam penanaman rumpai laut yang lestari juga dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan selain mempromosikan pembangunan ekonomi.

Paling penting, mampu memupuk penjagaan alam sekitar yang lebih mampan. Makanan berasaskan rumpai laut mempunyai

potensi yang besar di masa hadapan bagi memenuhi keperluan dan diet makanan.

### RASA SEMULA JADI

Menurut Dr. Aida Hamimi, rumpai laut memberi rasa umami, menjadikannya berbeza daripada makanan lain.

Walaupun tumbuhan tersebut berasal dari laut, rumpai laut yang digunakan dalam produk inovasi Mardi itu telah diproses untuk menghasilkan aroma yang lebih lembut dan menyenangkan.

Rumpai laut juga mempunyai rasa masin

### RUMPAI LAUT

» Rumpai laut digunakan secara meluas sebagai makanan oleh masyarakat pesisir pantai, terutamanya di Asia Timur, misalnya China, Jepun, Korea dan Taiwan.

» Sejak dahulu digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk perubatan.

» Dalam industri bioubat dan farmaseutikal, *alginate* digunakan pada pembalut luka dan penghasilan acuan pergigian.

» Kandungan serat yang tinggi dalam rumpai laut dikatakan membantu memperbaiki sistem pencernaan, mengurangkan sembelit, dan menjaga berat badan.

» Rumpai laut juga digunakan oleh petani dan peladang sebagai baja rumpai laut.

semula jadi dan sesuai dijadikan pengganti sebahagian garam dalam pelbagai resipi.

Mengulas mengenai rasa nugget dan bebola inovasi itu, katanya, ia memiliki rasa kenyal seakan-akan produk berasaskan daging.

RUMPAI laut tidak memerlukan baja atau racun perosak, menjadikannya pilihan yang lebih mesra alam.



# Sultan Kedah puji MB cakna kebijaksanaan rakyat

Oleh **SARINA ISMAIL**

**ALOR SETAR:** Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Almarhum Sultan Badlishah, memuji keprihatinan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang memberi fokus kepada rakyat kurang berke-mampuan.

Titah Baginda, komitmen Kerajaan Negeri Kedah termasuk mendirikan rumah kediaman melalui inisiatif Desa Sejahtera, secara langsung dapat memberi nafas lega kepada rakyat yang berada di bawah paras garis kemiskinan.

"Kesejahteraan rakyat adalah nadi penting bagi kerajaan yang baik dan stabil serta dapat melangsungkan ekonomi dan mensejahterakan rakyat," titah baginda ketika merasmikan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Darul Aman.

Baginda turut menyeru agar semua pihak kepimpinan negeri berganding bahu untuk memperkukuh kekuatan negeri, sejajar dengan Pelan Pembangunan Kedah 2035 dan gagasan 'The Greater Kedah'.

Bagi memastikan pembangunan yang mampan, Sultan Sallehuddin menekankan pentingnya peningkatan hasil negeri dan meminimumkan ketirisan.

"Ketirisan hasil negeri boleh menyebabkan kerugian yang besar. Maka, tindakan penguatkuasaan berterusan perlu dilaksanakan dan hukuman tegas wajar dikenakan ke



**Sultan Sallehuddin Almarhum  
Sultan Badlishah**

atas setiap kesalahan yang dilakukan," titah baginda.

Dalam isu keselamatan makanan, baginda menyambut baik pelaksanaan penanaman padi lima kali dalam dua tahun di kawasan jelapang padi dan menekankan bahawa kawasan luar jelapang juga wajar diberi perhatian.

Baginda juga menyarankan agar MADA dan MARDI mengandakan usaha penyelidikan dan penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian untuk meningkatkan hasil dan menjamin bekalan beras negara.

"Penghasilan padi bergantung kepada sumber air dari kawasan hutan tadahan air yang turut menyokong keperluan domestik dan industri," titah baginda.

Dalam konteks pelaburan, baginda mengucapkan tahniah atas pencapaian Kedah yang mencatat pelaburan masuk sebanyak RM45.8 bilion, naik berbanding RM28.7 bilion pada tahun 2023.

Justeru, Baginda berharap prestasi ini dapat dikekalkan melalui pembangunan kawasan industri sedia ada dan penerokaan kawasan baharu seperti di Bandar Baharu dan Bukit Kayu Hitam (SEBZ).

"Kerajaan perlu menyediakan infrastruktur lengkap agar ekosistem pelaburan dapat diwujudkan. Barulah pelabur berminat untuk datang ke Kedah," titah Sultan Sallehuddin.

Baginda turut menegaskan pentingnya pemuliharaan alam sekitar, khususnya kawasan Hutan Simpan Ulu Muda yang menjadi sumber utama tadahan air. Baginda menyokong penuh inisiatif Penanaman Dua Juta Pokok dan menyeru seluruh ADUN dan rakyat agar memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam.

Selain itu, Baginda mengingatkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) agar memahami tanggungjawab mereka sebagai suara rakyat, memainkan peranan semak dan imbang, serta memberi pandangan yang membina.

"Setiap pandangan dan kritikan yang disuarakan mestilah bersifat membina demi kepentingan negeri dan rakyat, bukannya dianggap sebagai kecaman yang mengundang perbalahan," titah baginda.

## Tanah padi: Kedah tuntutan RM200 juta

**ALOR SETAR:** Kerajaan Negeri Kedah menegaskan tuntutan agar Kerajaan Persekutuan menyalurkan pampasan tahunan sebanyak RM200 juta sebagai pengiktirafan kepada pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan Jelapang Padi yang menyumbang lebih 40 peratus kepada pengeluaran beras negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata permohonan rasmi telah dikemukakan dan masih dalam peringkat pertimbangan meskipun beberapa siri libat urus telah diadakan antara agensi negeri dan Ibu Pejabat PLANMalaysia.

"Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dalam hal ini dan akan terus berusaha memastikan sumbangan Kedah dalam menjamin sekuriti makanan negara diberi penghargaan sewajarnya," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Wisma Darul Aman, hari ini.

Beliau menjawab soalan Ustaz Hanif Ghazali (PN-Tanjong Dawai) berhubung status terkini tuntutan Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan berkaitan pampasan RM200 juta tersebut.

Sanusi berkata, PLANMalaysia sebelum ini mencadangkan insentif sebanyak RM41 juta setahun bagi kawasan Jelapang Padi termasuk kawasan sekitar, namun jumlah itu disifatkan jauh lebih rendah berbanding potensi hasil yang terpaksa dikorbankan oleh Kedah.

"Alasan bahawa petani telah menerima pelbagai subsidi tidak relevan kerana permohonan ini berkaitan dengan nilai tanah yang tidak boleh dibangunkan untuk tujuan lain demi kepentingan negara," katanya.

Menurutnya, daripada keseluruhan tanah sawah seluas 220,000 hektar, hasil cukai tanah yang diperolehi Kerajaan Negeri hanyalah sekitar RM2.6



Muhammad Sanusi Md Nor

juta, berbanding hasil cukai daripada tanah industri bersaiz hanya 10 hektar yang boleh menjana jumlah sama.

Beliau berkata, sekiranya sebahagian kecil tanah sawah seluas 5,000 hektar dibangunkan mengikut Rancangan Tempatan Daerah (RTD), hasil cukai yang boleh dikutip mencecah RM116 juta setahun.

Jelasnya lagi, berdasarkan nilai yang digunakan dalam Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KaGuMN), setiap hektar tanah padi dianggarkan bernilai RM400,000, menjadikan tuntutan RM200 juta hanyalah 0.38 peratus daripada keseluruhan nilai tersebut.

"Saya pernah menyatakan sebelum ini, jika semua tanah sawah ini dibangunkan, hasil kepada Kerajaan Negeri boleh mencecah RM1.7 bilion.

"Jadi, tuntutan ini bukan untuk mendapat wang percuma, tetapi sebagai ganti rugi kepada hasil yang terpaksa dikorbankan demi keperluan nasional," katanya.

Sehubungan itu, Sanusi berharap Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan permohonan tersebut secara serius demi menjamin kesejahteraan rakyat dan kelangsungan pembangunan negeri.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 24/4/2025 | HARIAN METRO | BISNES  | 22         |

## Agrobank, PPNS meterai MoU tawar pembiayaan komuniti petani di Sarawak

**Kuching:** Agrobank dan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak (PPNS) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) yang bertujuan memperkasakan petani di seluruh negeri berkenaan melalui sokongan kewangan komprehensif.

Perjanjian itu dimeterai di antara Pengarah Wilayah Agrobank Wilayah Sarawak Abdul Halek Abdullah dengan Pengurus Besar PPNS Gom Raway.

MoU yang diadakan serentak dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Agrobank itu disaksikan Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak Datuk Dr Abdul Rahman Ismail dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli Shah dalam kenyataan berkata, MoU itu adalah kerjasama strategik menawarkan penyelesaian kewangan bagi memenuhi keperluan komuniti tani di Sarawak.

"Melalui sokongan perniagaan, Agrobank berhasrat untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai usahawan dalam industri agromakanan seterusnya menjamin kelangsungan agenda keterjaminan makanan negara," katanya.

Beliau berkata, pembiayaan yang ditawarkan Agrobank menjurus kepada aktiviti pertanian mampan selain menggunakan mekanisasi dan pertanian pintar yang berkaitan dengan ekonomi digital.

Selain itu, pembiayaan itu turut menampung pemprosesan berasaskan pertanian, inisiatif bioteknologi, operasi ternakan sehingga kepada usaha agropelancongan.

"Melalui kerjasama strategik ini, Agrobank berharap komuniti tani Sarawak dapat menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara menerusi sektor agromakanan," katanya. - Bernama

# Rakyat Terengganu diseru ceburi pertanian kontan



Dr Azman Ibrahim

Oleh NORHANA MAT ZIN

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan negeri menggalakkan rakyat Terengganu terlibat dalam sektor tanaman kontan yang boleh menjana hasil cepat dan memberikan impak tinggi kepada sosial ekonomi rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tanaman kontan singkat pada masa kini yang sesuai seperti cili, labu, terung, nenas dan sebagainya tidak memerlukan modal yang begitu besar dan penjagaannya juga lebih praktikal.

"Bagi mendapatkan modal permulaan, mereka boleh memohon melalui Skim Pinjaman Modal Tani (SPMT) manakala tapak tanah milik kerajaan pula, mereka boleh memohon atas nama Lesen Pendudukan Sementara," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Jabi (ADUN) berkata demikian bagi menjawab soalan lisan ADUN Permaisuri, Mohd Yusop Majid dalam Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Ketiga, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelima Belas, di Wisma Darul Iman, baru-baru ini.

Menurut Dr Azman lagi, kerajaan negeri juga menyediakan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang di-

“Selaras dengan permintaan yang tinggi sektor durian, kerajaan negeri telah mengfokuskan kepada dua strategi iaitu pembukaan kebun dan ladang bagi penanaman baru durian serta pemulihan dusun-dusun durian sedia ada.

khususkan untuk tanaman kontan dengan kadar sewa yang sangat rendah.

"Pada masa kini, Terengganu telah mempunyai lima TKPM iaitu TKPM Rhu Tapai, Setiu; Tok Dor, Besut; Serating, Marang; Peradong, Kuala Terengganu dan Paloh Jenang. Kemaman melibatkan keluasan keseluruhan 1,194 hektar.

"Menerusi Pelan Strategik Pertanian Terengganu (PSPT) 2024-2030, sebanyak enam TKPM baru bakal diwujudkan iaitu di Telaga Papan, Setiu; Pela, Hulu Terengganu; Pinang Merah dan Rantau Abang, Dungun; Kemasik, Kemaman dan Bukit Rong Ubi di Kuala Nerus," ujarnya.

Tambah beliau, pengusaha pertanian yang mempunyai modal turut disyorkan menceburi sektor tanaman durian yang berpotensi menjana pendapa-

tan lumayan.

"Produk durian sama ada durian segar atau diproses dari Malaysia telah memasuki pasaran eksport. Malaysia telah memeterai protokol baharu dengan negara China bagi pengeksportan durian sejuk beku pada Mei 2019 dan buah segar pada 2024.

"Selaras dengan permintaan yang tinggi sektor durian, kerajaan negeri telah mengfokuskan kepada dua strategi iaitu pembukaan kebun dan ladang bagi penanaman baru durian serta pemulihan dusun-dusun durian sedia ada.

"Potensi hasil tanaman ini mampu mencecah sehingga 14.7 metrik tan sehektar. Statistik menunjukkan keluasan tanaman durian di Terengganu meningkat ketara daripada 1,696.5 hektar pada 2016 kepada 3,165.4 hektar pada tahun lalu," katanya.

| TARIKH    | MEDIA                    | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------------|---------|------------|
| 24/4/2025 | NEWS<br>STRAITS<br>TIMES | NEWS    | 3          |

# Panel to monitor price, supply of goods

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has established a committee to ensure stable price and supply of essential goods to consumers.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the Technical Committee on the Stabilisation of Supply and Prices of Daily Essentials was formed after the cabinet approved the ministry's proposal on March 26.

"The formation of this technical committee is to empower and structure cooperation across ministries that was previously on an ad-hoc basis, especially dur-

ing festive seasons, to tackle emerging issues related to price and supply of essential goods.

"The committee will function as an early-warning system to ensure that any price and supply issues can be addressed efficiently and effectively.

"It will also coordinate actions to maintain price stability and ensure the availability of essential goods on the market," he said after the ministry's Hari Raya Aidilfitri celebration at its headquarters here yesterday.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim attended the event.

Armizan said the committee would focus on essential items such as meat, chicken, eggs, fish, vegetables, rice, cooking oil and other necessities.

Armizan said the committee would be chaired by the ministry's secretary-general and include representatives from the Agriculture and Food Security Ministry, Plantation and Commodities Ministry, as well as relevant agencies and stakeholders.

He said the committee would meet every two months, with its first meeting scheduled for next month.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 24/4/2025 | SINAR HARIAN | NEGERI  | 28         |

# Satu ekar musang king jana RM60,000 semusim

Durian tupai king paling bernilai tinggi, dijual RM120 sekilogram

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI  
SEREMBAN

Tanaman durian musang king terbukti mampu memberikan pulangan lumayan apabila setiap ekar tanah yang ditanam dengan raja buah itu boleh menjana pendapatan melebihi RM60,000 semusim.

Pengerusi Persatuan Penanam Durian Negeri Sembilan, Datuk Zain Maarof berkata, satu ekar (0.4 hektar) tanah boleh ditanam sebanyak 35 pokok durian dengan jarak 10 meter antara satu sama lain bagi memastikan pencahayaan dan ruang tumbesaran yang optimum.

"Secara purata, setiap pokok yang berusia enam tahun mampu mengeluarkan 20 hingga 30 biji buah dengan anggaran berat dua kilogram sebiji.

"Harga ladang bagi satu kilogram musang king sekitar RM30 hingga RM35 dan hasil keseluruhan bagi satu ekar tanah yang ditanam musang king mencecah RM63,000 semusim," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Kampung Rawa, Lenggeng di sini pada Rabu.

Menurutnya, pendapatan diperoleh akan bertambah apabila usia pokok sudah mencapai 10 tahun kerana mampu merekodkan purata pengeluaran 100 biji semusim.



Zain menunjukkan antara anak pokok durian di kebunnya di Kampung Rawa, Lenggeng

"Bayangkan kalau setahun ada dua kali musim durian, berapa banyak pendapatan yang boleh diperoleh pengusaha kebun durian ini?"

"Lagi pun durian kita ini memang dah ada pasaran luar kerana dikatakan paling sedap di dunia. Jadi tak hairan ia mempunyai nilai eksport yang tinggi," ujarnya.

Jelas beliau, terdapat lebih 200 spesis durian di Malaysia dan durian tupai king paling bernilai tinggi iaitu dijual pada harga RM120 sekilogram dan black torn atau duri hitam pula RM80 sekilogram.

Selain itu, kata Zain, anak pokok raja buah berkenaan turut bernilai tinggi apabila boleh dijual pada harga antara RM30 ke RM50 sepokok.

"Sebut saja durian, ia boleh memberi pulangan yang tinggi. Jadi

kita perlu rebut peluang ini.

"Saya sarankan kepada orang ramai yang mempunyai tanah, tanamlah durian yang kategori T20 ini kerana raja buah ini sememangnya ada permintaan tinggi," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan sebuah institusi atau badan tertentu yang boleh memantau serta memajukan industri durian seperti yang dilaksanakan terhadap tanaman getah dan sawit.

"Durian bukan sahaja mempunyai potensi ekonomi yang tinggi kepada pekebun, malahan ia boleh menjadi penyumbang besar kepada pendapatan negara kita," jelasnya.



| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 24/4/2025 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13         |

Sanusi dakwa dana itu tidak dinikmati secara langsung kerajaan negeri, disalur terus kepada sektor pertanian

Oleh ROSLINDA HASHIM  
ALOR SETAR

**P**eruntukan RM1 bilion yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk sektor tanaman padi di negeri ini bukan pampasan kepada kerajaan negeri atas pengorbanan mengekalkan kawasan jelapang padi.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, dana tersebut adalah untuk pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan tidak dinikmati secara

## 'RM1 bilion bukan pampasan kekalkan tanah sawah'

langsung oleh kerajaan negeri, sebaliknya disalurkan terus kepada sektor pertanian. Menurutnya, tuntutan Kedah RM200 juta setahun kekal seperti dikemukakan sebelum ini sebagai insentif khas bagi mengekalkan kawasan sawah padi.

"Peruntukan RM1 bilion itu merangkumi projek seperti pembaikan sistem pengairan dan empangan Pedu untuk meningkatkan produktiviti padi.

"Kami berterima kasih atas keprihatinan Perdana Menteri, namun ini bukan pampasan atas hasil yang hilang akibat mengekalkan kawasan sawah padi," katanya pada sidang akhbar selepas Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada Rabu.

Muhammad Sanusi berkata, keperluan RM200 juta untuk menguruskan negeri dengan pertumbuhan rakyat serta keperluan pengurusan pentadbiran.

"Kita cakap isu cukai tanah sawah padi, itulah ha-

sil negeri selain sumber air mentah yang itu pun sebahagian saja sekarang. Untuk air terawat bukan lagi sumber kerajaan negeri setelah diswastakan.

"Kalau tiada pertambahan hasil nak ambil mana kerana sumber terhad," katanya lagi.

Pada Selasa, Muhammad Sanusi menegaskan akan terus menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi sekali gus menjamin bekalan beras negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam reaksi balasnya menegaskan kerajaan sudah meluluskan RM1 bilion untuk membantu sektor padi di Kedah yang diberi secara berterusan termasuk sebagai insentif khas untuk negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi.

Muhammad Sanusi sebaliknya tegas-



MUHAMMAD SANUSI

antara paling rendah dan negeri itu kehilangan potensi hasil lebih tinggi kerana terikat dengan dasar mengekalkan penggunaan tanah pertanian.

Sementara itu beliau berkata, kerajaan negeri tidak menolak sepenuhnya pengiraan RM41 juta setahun dibuat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia (PlanMalaysia) melalui Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN), namun hanya membentangkan rasional nilai tuntutan.

"Kami hanya kemuka cadangan balas berdasarkan perkiraan dan mekanisme nilai-nilai KAGUMN tapi kita kekalkan tuntutan RM200 juta kerana itu nilai kehilangan yang kita tanggung sejak sekian lama.

"Saya tak pasti sama ada RM41 juta itu dikekalkan atau tidak. Sama ada tambah atau kurang namun tuntutan tetap diteruskan," ujarnya.

Kerajaan sudah lulus RM1 bilion untuk jelapang padi Kedah - PM

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi membolehkan pengeluaran padi di Kedah.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor telah mengumumkan bahawa kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta setahun untuk mengekalkan kawasan jelapang padi di Kedah.

Laporan Sinar Harian pada Rabu.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 24/4/2025 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12         |

## 'Sungai tercemar akibat sisa kumbahan babi'

**BIDOR** - Perikatan Nasional (PN) mendakwa aliran sungai di Kampung Poh di sini yang mengalir hingga ke kawasan Ayer Kuning tercemar akibat pembuangan sisa babi daripada ladang berdekatan.

Naib Presiden Pas, Datuk Idris Ahmad berkata, hasil tinjauan bersama penduduk sekitar Ayer Kuning mendapati wujud pembuangan najis babi yang tidak dirawat dan dibuang terus ke dalam sungai hingga menyebabkan berlaku pencemaran air serta bau.

Menurutnya, meskipun Kampung Poh berada di sempadan Ayer Kuning, aliran sungai mengalir masuk ke kawasan terbabit yang menjadi sumber air kedua dan lokasi rekreasi penduduk setempat.

"Lebih-lebih lagi ketika Tapah terputus bekalan air dua hingga tiga minggu, sungai ini sumber utama air penduduk sekitar.

"Semalam Exco Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan kata ladang babi di Kampung Tanjung Keramat terletak 2.5 kilometer (km) daripada penempatan serta memenuhi syarat lesen iaitu minimum



**Pemimpin PN menunjukkan paip bocor hingga menyebabkan sisa kumbahan masuk ke dalam sungai.**

200 meter.

"Namun realitinya, ladang babi dekat Kampung Poh terletak 140 meter daripada penempatan, malah kolam pengolahan efluen terletak di sebelah rumah penduduk," katanya ketika sidang media eksklusif PN di sini pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Penerangan Pas, Ahmad Fadhli Shaari dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manjoi, Hafez Sabri.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kajian dan Polisi Lajnah Penerangan Pas Pusat, Ir Ts Nurul Islam Mohamed Yusoff ber-

pandangan, timbul persoalan sama ada pembinaan ladang babi termasuk kandang, sistem saliran dan infrastruktur mematuhi Garis Panduan Amalan Perladangan Babi Yang Baik (GAHP).

Sementara itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad menegaskan bahawa sebarang dakwaan berhubung kesucian air sungai yang dikaitkan dengan pencemaran dari ladang ternakan babi harus diserahkan kepada pihak berautoriti untuk disiasat, termasuk Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK).

| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 24/4/2025 | KOSMO | NEGARA  | 16         |

## Harapan nelayan masih ada rezeki tepi jambatan RTS


**JOHOR BAHRU** – Pembangunan pesat dengan terbinanya jambatan kereta api Rentas Sempadan (RTS) yang merentasi perairan Selat Tebrau di sini, tidak mematahkan semangat para nelayan pantai di Stulang Laut untuk terus mencari rezeki.

Meskipun struktur konkrit mega itu kini mendominasi pemandangan laut, kelibat nelayan yang sabar menebar jala masih menjadi rutin biasa di kawasan itu.

Kata seorang nelayan dikenali Pak Mat, mereka percaya setiap tiang jambatan yang terpacak di dasar laut bakal menjadi 'rumah baru' kepada pelbagai spesies hidupan laut apabila projek itu siap sepenuhnya.

"Memang ada yang kata laut makin sempit, tapi bagi kami, selagi ada air dan ada ikan, kami akan terus menjala."

Tiang-tiang ni mungkin nanti jadi tempat ikan berkumpul," ka-



**SEORANG** nelayan menebar jala berdekatan jambatan RTS menghubungkan Singapura dan Johor Bahru di perairan Selat Tebrau, Stulang Laut Johor Bahru semalam.

tanya.

Tambah beliau, aktiviti menjala lazimnya dilakukan ketika air surut meskipun perlu meredah

air laut hingga ke paras pinggang.

"Kami dah biasa, yang penting, hasilnya cukup untuk makan," ujarnya.



**Memorable moments:** Anwar sharing a light moment at the Domestic Trade and Costs of Living Ministry Hari Raya Aidilfitri reception in Putrajaya. Also present is Armizan (left). — Bernama

# A panel to rule food prices

New technical committee to stabilise cost gets the green light

By **TARRENCE TAN**  
tarrence@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The Cabinet has agreed to the formation of a technical committee to ensure food supplies and prices remain stable at all times, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

Armizan said this is an effort to improve the present mechanism on stabilising food prices and supplies, where there are price control schemes for each festive season.

"The formation of this technical committee is to strengthen cooperation across ministries, which was previously mobilised on an ad hoc basis.

"With this technical committee,

we will ensure that planning is made earlier," said Armizan during a press conference at the Domestic Trade and Costs of Living Ministry Hari Raya Aidilfitri reception yesterday.

Armizan said the first meeting of the Technical Committee on Stabilising the Prices and Supplies of Daily Necessities would be held in May, and would be chaired by his ministry's secretary general.

"This is a whole-of-nation approach because it involves government agencies and the industry," said Armizan, who added the ministries on board are Domestic Trade and Cost of Living, Plantation and Commodities as well as Agriculture and Food Security.

"It will also consist of perma-

nent and invited members from the industry. If there is a need, we will also involve other agencies in the meeting."

Armizan also said his ministry would cooperate with the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) in removing any imported Indonesian food products from the local market if they contained traces of pig or pork products (porcine DNA).

According to Armizan, his ministry held discussions with Jakim after a recall was issued.

On April 22, Jakim had ordered the immediate recall of several imported food products after an announcement by Indonesia's Halal Product Assurance Agency after a joint investigation with its National Agency of Drug and

Food Control found traces of porcine DNA in 11 batches of nine food products.

Of these, nine batches from seven products were found to have halal certification, while two batches came from two products that were uncertified, as listed on <https://bpjph.halal.go.id/detail/siaran-pers>.

Sirajuddin stated that Jakim is collaborating with the various state Islamic Religious Councils and the Islamic Departments to look out for any flagged products that may have reached Malaysia.

Consumers are encouraged to report sightings of the items in question through Jakim's portal at <https://islam.spab.gov.my/eApps/system/index.do>.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 24/4/2025 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 8          |

# Sabun dari kulit durian, uncang teh

Oleh NOR SHAFAWATI YUP  
utusannews@medianula.com.my

**SEREMBAN:** Inovasi pelajar Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar (SMTTJ) Seremban yang menghasilkan sabun tablet Wanderlust daripada ekstrak kulit durian dan uncang teh berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Guru Pembimbing Kelab Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) SMTTJ, Ainul Inayah Hamzah berkata, ciptaan pelajar yang dikenali Jaafar Innovators itu memenangi beberapa pertandingan termasuk di peringkat antarabangsa dan yang paling terbaharu pada Februari lalu.

Beliau berkata, Jaafar Innovators terdiri tiga pelajar tingkatan lima iaitu Muhammad Naqib Mikail Mohamad Najib, Nur 'Ain Raihanah Ahmad Nzyryshah dan Noorul Aqil Zahirah Noorulzaki.

"Idea menghasil projek sabun Wanderlust tercetus selepas melihat masalah keracunan makanan terutama dalam kalangan kanak-kanak dan kenaikan kes kanser kulit akibat terdedah kepada sinaran ultra ungu yang tidak dapat diatasi kerana kekurangan antioksidan.

"Wanderlust sabun pencuci tangan berbentuk tablet, dihasilkan menggunakan ekstrak kulit durian dan ekstrak daun teh hijau," katanya.

Beliau berkata, gabungan dua ekstrak tersebut menghasilkan bahan yang bersifat antioksidan dan antibakteria malah turut dibuktikan melalui hasil kolabo-



**SEORANG** pencipta muda Jaafar Innovators dari Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar melakukan proses menghasilkan sabun pencuci tangan Wanderlust di Seremban. - UTUSAN/NOR SHAFAWATI YUP

ratif bersama Institusi Atta-Ur-Rahman, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam.

"Sabun ini dihasilkan dalam bentuk tablet yang larut dalam air supaya ia boleh digunakan sekali dan mudah dibawa ke mana-mana.

"Gabungan ekstrak itu juga mampu merencatkan pertumbuhan bakteria patogen kulit yang seringkali menyebabkan keracunan makanan iaitu *Escherichia coli*, *Staphylococcus aureus* dan *Pseudomonas aeruginosa*," katanya.

Jelas beliau, sabun Wanderlust disimpan dalam pembungkusan mampan terdiri daripada 30 tablet dan dijual RM6.

"Pek isi semula mesra alam yang mengandungi 30 tablet turut dijual dengan harga RM30 bagi mengurangkan penggunaan plastik," ujarnya.

Mengenai pengiktirafan yang diperolehi, Ainul Inayah berkata, Jaafar Innovators merangkul Gold Award, Top 10 Award dan Best Environmental Award di World Youth STEM Invention Innovation peringkat antarabangsa di Medan, Indonesia pada 23 hingga 27 Februari lalu.

"Menerusi Wanderlust kami mendapat Top 30 di Pertandingan Inovasi Sains Teknologi Kejuruteraan peringkat kebangsaan di Universiti Multimedia Cyberjaya 6 Februari 2025," katanya.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 24/4/2025 | HARIAN METRO | LOKAL   | 11         |

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

Seremban

# Inovasi sabun kulit durian

Pelajar SMT Tuanku Jaafar hasilkan Wanderlust rangkul Gold Award di Indonesia

**K**ebiasaannya kulit durian dan uncang teh dibuang selepas digunakan, namun sekumpulan pelajar dari Sekolah Menengah Teknik (SMT) Tuanku Jaafar di sini, menghasilkan sabun daripada bahan terbuang berkenaan.

Guru Pembimbing Kelab STEM, Ainul Inayah Hamzah berkata, ciptaan *Jaafar Innovators* itu sudah memenangi beberapa pertandingan termasuk di peringkat antarabangsa dan terbaharu, pada Februari lalu.

Menurutnya, *Wanderlust* yang juga sabun pencuci tangan berbentuk tablet dicipta tahun lalu oleh Muhammad Naqib Mikail Mohamad Najib, Nur 'Ain Raihanah Ahmad Nzyrshah dan Noorul Aqil Zahirah, dengan ketiga-tiganya kini berada di tingkatan lima.

"*Wanderlust* yang larut dalam air, dihasilkan menggunakan ekstrak kulit durian dan ekstrak daun teh hijau.

"Gabungan dua ekstrak

**"Gabungan dua ekstrak ini menghasilkan bahan yang bersifat antioksidan dan antibakteria. Hasil kolaboratif bersama Institusi Atta-Ur-Rahman, UiTM Puncak Alam, Selangor membuktikan keberkesanannya"**

*Guru Pembimbing Kelab STEM, Ainul Inayah Hamzah*

ini menghasilkan bahan yang bersifat antioksidan dan antibakteria. Hasil kolaboratif bersama Institusi Atta-Ur-Rahman, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, Selangor membuktikan keberkesa-



AINUL Inayah (dua dari kanan) bersama *Jaafar Innovators* merangkul Gold Award, Top 10 Award dan Best Environmental Award di World Youth STEM Invention Innovation peringkat antarabangsa diadakan pada 23 hingga 27 Februari 2025 di Medan, Indonesia.

nannya," katanya.

Menurut guru mata pelajaran kimia itu, sabun ini disimpan dalam pembungkusan mampan, terdiri daripada 30 tablet dan dijual

pada harga RM6.

Pek isi semula mesra alam mengandungi 30 tablet turut dijual dengan harga RM3, bagi mengurangkan penggunaan plastik.

Jelasnya, *Jaafar Innovators* merangkul Gold Award, Top 10 Award dan Best Environmental Award di World Youth STEM Invention Innovation peringkat



WANDERLUST, sabun pencuci tangan berbentuk tablet yang larut dalam air, dihasilkan guna ekstrak kulit durian dan ekstrak daun teh hijau.

kat antarabangsa diadakan pada 23 hingga 27 Februari 2025 di Medan, Indonesia.

Sementara itu, Pengetua SMT Tuanku Jaafar, Ts Sudiman Musa menyatakan, pencapaian berkenaan memberi motivasi kepada pelajar lain untuk terus berinovasi dalam meneroka bidang sains serta teknologi.

| TARIKH    | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 24/4/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4          |

# Penduduk mahu ekonomi, pertanian Ayer Kuning diperkasa

Oleh **MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM** dan **AIN SAFRE BIDIN**  
 utusannews@mediamula.com.my

**TAPAH:** Penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning berharap pilihan raya kecil (PRK) mampu membawa perubahan terutama dalam aspek ekonomi dan sosial mereka dengan harapan wakil rakyat yang terpilih memperkasakan sektor pertanian di kawasan itu.

Mereka percaya calon yang menang mempunyai perancangan dan kemampuan untuk membawa perubahan dan memajukan kawasan Ayer Kuning agar tidak ketinggalan dalam aspek pembangunan dan ekonomi.

Pesara kerajaan, Mohd. Sabri Razali, 64, berkata, majoriti penduduk terlibat dalam sektor



**FAZRIN MOHD. ZAHARI**

pertanian terutamanya ladang kelapa sawit.

"Kebanyakannya mewarisi secara turun temurun tanaman ini selain perlu berkongsi dengan ahli keluarga yang lain.

"Dahulu, ada bantuan input pertanian seperti baja dan racun pembasmi perosak tanaman tetapi telah dihentikan sementara. Untuk itu kami berharap ban-



**P. THERUVAMGADAM**

tuhan input pertanian itu dapat dikembalikan semula.

"Kami berharap wakil rakyat baharu yang dipilih dalam PRK ini nanti dapat membawa perubahan kepada sektor ekonomi penduduk di sini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Kenangan di sini, semalam.

Dalam pada itu, Maizal Afendey Jalaludin, 58, pula mahu

diwujudkan sebuah pusat latihan belia berdekatan kawasan Kampung Kenangan bagi memudahkan golongan belia mendapatkan ilmu kemahiran terutamanya program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Ini meningkatkan kemahiran mereka selain boleh menjana pendapatan dengan sebaiknya untuk masa depan.

"Sekarang semua berkata mengenai TVET. Saya berharap orang muda di kampung ini tidak ketinggalan mendapat pendidikan kemahiran," katanya.

Fazrin Mohd. Zahari, 39, dari Kampung Jawa pula berkata, ketiga-tiga calon yang bertanding mempunyai kelebihan masing-masing dan percaya mereka mempunyai perancangan untuk

memajukan Ayer Kuning.

"Kami harap calon yang menang buatlah yang terbaik untuk penduduk di sini terutama isu kos sara hidup yang meningkat. Kami mahu wakil rakyat baharu nanti fokus kepada usaha meningkatkan ekonomi setempat," katanya.

P. Theruvamgadam, 59, dari Tapah Road turut mengakui, calon daripada parti kerajaan dan pembangkang yang bertanding mempunyai kelebihan masing-masing dan diharap memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat Ayer Kuning.

"Apabila memang nanti, wakil rakyat baharu perlu sentiasa mengambil berat masalah rakyat kerana mereka sudah dipilih dan diberikan kepercayaan untuk menjadi pemimpin," katanya.

## Penduduk gesa pemenang PRK DUN Ayer Kuning perkasa sektor pertanian

**TAPAH** – Pengundi dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Ayer Kuning berharap calon yang terpilih mewakili mereka nanti dapat memperkasakan sektor pertanian yang menjurus kepada peningkatan dengan ahli keluarga lain. Bantuan muda bagi mengelak mereka berhijrah ke tempat lain.

Mohd. Sabri Razali, 64, berkata, majoriti penduduk terlibat dalam sektor pertanian terutama sawit. “Mereka mewarisi secara turun temurun selain berkongsi

Maizal Affendey Jalaludin, 58, pula berharap supaya diwujudkan sebuah pusat latihan belia terutamanya Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional.

TARIKH

24/4/2025

MEDIA

KOSMO

RUANGAN

NEGARA

MUKA  
SURAT

8

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 24/4/2025 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3          |

# KPDN tubuh jawatankuasa khas pantau harga, bekalan barangan

Penubuhan dapat kelulusan Kabinet bagi perkara, struktur kerjasama rentas kementerian

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menubuhkan jawatankuasa teknikal, khusus bagi menyelaras semua tindakan yang diambil untuk memastikan kestabilan harga serta keberadaan bekalan barangan dalam pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penstabilan Bekalan dan Harga Barangan Keperluan Harian itu mendapat kelulusan Kabinet dalam mesyuarat pada 26 Mac lalu.

"Jawatankuasa ini antara lain bertujuan memperkasa serta menstrukturkan kerjasama rentas kementerian yang sebelum ini digerakkan secara 'ad hoc' setiap kali menjelang musim perayaan.

"Ia akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar, dengan me-



Anwar diiringi Armizan beramah mesra bersama warga KPDN ketika hadir Majlis Sambutan Aidilfitri KPDN di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

syuarat pertama akan berlangsung bulan depan.

"Dari segi keanggotaan, ia akan turut disertai wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan dan Komoditi serta agensi dan industri berkaitan, dengan jawatankuasa bersidang setiap dua bulan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sambutan Aidilfitri KPDN di sini semalam. Majlis itu diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Armizan berkata, penubuhan jawatankuasa itu juga bertujuan untuk menambah baik bentuk kerjasama kepada gerak kerja yang lebih strategik dan berte-

rusan melalui mesyuarat serta pelaporan berkala.

"Jawatankuasa teknikal ini juga akan berperanan sebagai mekanisme amaran awal bagi memastikan isu berkaitan harga dan bekalan dapat ditangani dengan cekap serta berkesan," katanya.

## Pertimbang pelan intervensi

Beliau berkata, melalui jawatankuasa teknikal itu, pemantauan dilaksanakan terhadap barangan seperti daging, ayam, telur, ikan, sayur-sayuran, beras, minyak masak dan barang keperluan asas lain yang menjadi permintaan pengguna.

Katanya, sekiranya dikesan wujud sebarang isu yang mem-

babitkan harga dan bekalan sesuatu barangan dalam pasaran, kerajaan akan mempertimbangkan pelan intervensi yang perlu dilaksanakan.

"Penubuhan jawatankuasa ini adalah pendekatan menyeluruh dalam mengurangkan isu terkait harga dan bekalan, sekali gus membantu menangani kos sara hidup rakyat selaras aspirasi Kerajaan MADANI," katanya.

Beliau berkata, walaupun sebelum ini, kerjasama di antara kementerian dilaksanakan secara ad-hoc, namun kerajaan dapat membendung elemen yang mengganggu bekalan barangan dan penstabilan harga.

Justeru itu, katanya, Kabinet

mahu pencapaian itu dapat diteruskan dan ditambah baik menerusi penubuhan jawatankuasa teknikal terbabit.

Sebelum ini, pada Januari 2024, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Tangani Harga Makanan, kluster yang diletakkan di bawah Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri.

KPDN bertindak sebagai Urusetia NACCOL untuk Mesyuarat Majlis Tertinggi, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan dan Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Labuan.